

# Beguk tanda awal leukemia

→ Mohd Nor Hafizudin jalani kemoterapi untuk terus hidup sempurna

Oleh Halina Mohd Noor  
halina\_mdnoor@bh.com.my

**P**enyakit beguk selalu-nya tidak dianggap sebagai penyakit serius, lazimnya hanya dirawat sebagai pesakit luar saja kerana tidak memudarangkan.

Bagaimanapun, bagi Mohd Nor Hafizudin Mohamed Abdullah, 14, beguk yang dialaminya tahun lepas itu adalah petanda dia sebenarnya diserang oleh penyakit lebih serius iaitu barah darah atau leukemia.

"Kelenjar pada pipi kiri saya mula bengkak dan terasa sakit pada tahun lalu tetapi ibu saya fikir tiada masalah serius dan meminta berjumpa doktor.

"Doktor memberikan antibiotik dan selepas memakan ubat, sakit mula menghilang dan bengkak berkurangan," katanya yang ditemui di Putrajaya pada program meraikan bekas pesakit barah kanak-kanak anjuran Persatuan Sokongan Kanser Kanak-kanak Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (CAKNE), baru-baru ini.

**Beguk tidak surut, diserang sesak nafas**  
Selepas seminggu, beguk yang dialaminya masih tidak susut dan tiba-tiba beliau diserang sesak nafas sehingga terpaksa dibawa ke klinik untuk mendapatkan rawatan.

Oleh kerana beguk yang masih ada, Mohd Nor

Hafizudin perlu menjalani ujian darah untuk mencari jawapan penyakit sebenar yang menyerangnya selain menjalani imbasan pada organ tubuhnya.

"Amat mengejutkan apabila hasil ujian darah dan imbasan menunjukkan hati dan limpa bengkak manakala kiraan darah putih sebanyak 27 milimeter (ml).

"Saya dirujuk ke sebuah hospital swasta di Cheras dan di hospital berkenaan, darah putih meningkat sehingga 200 ml," katanya yang ditemani ibunya, Norazam Rosli, 43.

Dianggap berada dalam keadaan kritis, Mohd Nor Hafizudin dihantar ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan (HCTM PPUKM) untuk menjalani prosedur pengambilan air tulang sum sum.

#### Doktor bagi harapan untuk pulih

Ketika prosedur berkenaan, Mohd Nor Hafizudin dibius sepenuhnya menyebabkan beliau tidak sedar.

"Semasa itu juga ibu terkejut apabila doktor memaklumkan saya menghidap leukemia tetapi menurut pakar, masih ada harapan meneruskan hidup menerusi rawatan terkini berbanding sebelum ini.

"Sejak bulan Ogos tahun lalu, saya perlu menjalani rawatan kemoterapi seminggu sekali. Kesan rawatan menyebabkan saya rasa panas dan mual," katanya yang susut berat badan sehingga 10 kilogram.

Bagi memastikan dia dapat terus melawan barah, Mohd Nor Hafizudin perlu menjalani rawatan ditetapkan dan amalkan diet ditetapkan selain menjalani senaman.

Beliau bersyukur kerana kini darah putihnya terkawal dan boleh menjalani kehidupan normal.

## Ujian leukemia

